

Panduan Menjawab Soalan Objektif Aneka Pilihan

1. Baca soalan dengan teliti. Hal ini dikatakan demikian kerana kadangkala terdapat perkataan atau rangkaian kata pada awal ayat yang mengelirukan murid, sedangkan kata kunci soalan terdapat pada akhir ayat.
2. Baca semua pilihan jawapan. Potong pilihan jawapan yang diyakini salah. Hal ini akan membantu murid mencari pilihan jawapan yang betul.
3. Bagi soalan yang mengandungi rangsangan gambar, murid perlulah meneliti gambar tersebut dan mengaitkannya dengan soalan dan pilihan jawapan yang diberikan.
4. Kaji pilihan jawapan dan pilih jawapan yang paling tepat.

LATIHAN 1

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) telah memperkenalkan Intensif Pengeluaran Getah bagi membantu pekebun kecil _____ tahun 2015.
 A di C kepada
 B sejak D daripada

2.



Danial _____ tangannya dengan sehelai tuala setelah mencuci kedua-dua tangannya itu.

- | | |
|------------|-------------|
| A menyapu | C menyental |
| B mengelap | D menggilap |

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Puan Hajar *ganjil* memikirkan kelakuan anak sulungnya.
 II Sekumpulan ahli sejarah telah menemukan haiwan yang *ganjil* di dalam gua itu.
 III Adik sedang mempelajari nombor-nombor *ganjil* daripada Internet.
 IV Pakaian pasangan pengantin itu sungguh *ganjil* menyebabkan mereka berasa tidak selesa.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

4. I Diana berjumpa dengan rakan baiknya untuk *menjelaskan* perkara yang berlaku.
 II Kereta mewah usahawan itu ditarik kerana dia tidak mampu *menjelaskan* hutangnya kepada pihak bank.
 III Jangan suka *menjelaskan* kawan kerana perbuatan tersebut tidak baik.
 IV Berjumpalah dengan doktor untuk *menjelaskan* sama ada kamu berpenyakit atau tidak.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Jambangan bunga mawar itu saya telah berikan kepada Puan Rohayu bersempena dengan sambutan Hari Guru.
 A telah saya berikan
 B saya telah memberikan
 C telah saya memberikan
 D saya telah berikan
6. Keempat-empat orang anak Pak Cik Harun berjawatan tinggi dan bekerja di bandar.
 A Keempat orang anak
 B Empat-empat orang anak
 C Berempat-empat orang anak
 D Keempat-empat orang anak

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Nenek dimasukkan ke hospital kerana mengalami sesak nafas.
 II Poskad itu diterima oleh Raju daripada sahabatnya yang tinggal di Australia.

- III Setengah-setengah murid tidak aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.
 IV Pemandangan di kampung itu nian indah kerana padi di sawah sedang menguning.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

8. I Emak menyuruh abang ke kedai untuk membeli sos cili.
 II Masakan kampung yang dihidangkan oleh nenek lazat benar.
 III Jangan melompat dan lari ketika menaiki tangga bas.
 IV Semua kaki tangan syarikat itu akan menerima bonus pada hujung bulan ini.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Penggunaan fabrik kain kapas diguna pakai bagi penciptaan baju kurung untuk memberi keselesaan kepada pemakainya.
- A Pencipta baju kurung memakai fabrik daripada kain kapas kerana berasa selesa.
 B Untuk memberi keselesaan kepada pemakai baju kurung, fabrik kain kapas digunakan.
 C Keselesaan pemakai sering diguna pakai oleh pencipta baju kurung berasaskan fabrik kain kapas.
 D Pemakai baju kurung berasa selesa mengenakan fabrik kain kapas yang direka oleh pencipta.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Encik Hishamudin dan isterinya sentiasa memantau pergaulan anak mereka supaya tidak terjebak dalam gejala negatif. Jika sudah terjebak, memang sukar untuk membetulkan keadaan. Situasi ini boleh dikatakan

- A biar titik jangan tumpah.
- B umpama menatang minyak yang penuh.
- C hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
- D mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.